

KELEWATAN PEMBINAAN PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SABAH

Pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) mengambil berat akan kenyataan oleh YAB Perdana Menteri pada 3 September 2018 berhubung kelewatan status pembinaan Projek Lebuhraya (LPB) di negeri Sabah. Sebagai langkah segera, Kementerian bersama-sama dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah akan membuat penelitian lanjut ke atas perkara ini.

Pada ketika ini, 12 pakej kerja yang telah dibuat pelantikan kontraktor pakej kerja (*work packages contractor* – WPC) berada di pelbagai peringkat pembinaan. Kemajuan semasa pembinaan adalah di antara 1 peratus hingga 37 peratus. Kementerian mendapati terdapat tiga (3) faktor utama yang menyumbang kepada kelewatan pembinaan, iaitu faktor pengambilan balik tanah, faktor kecukupan bekalan (bahan binaan, tenaga kerja dan jentera binaan) dan faktor kelewatan dalam proses bayaran dalam menyelesaikan isu-isu teknikal.

Pada dasarnya, pengambilan balik tanah merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah yang dilaksanakan oleh Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Sabah. Memandangkan kerja-kerja pengambilan balik tanah adalah berskala besar, pihak JTU Sabah dalam tindakan untuk menambahbaik dan mempercepatkan proses tersebut tanpa mengabaikan prosedur yang telah ditetapkan di samping menjaga kepentingan dan hak pemilik-pemilik tanah yang terkesan.

Projek LPB di negeri Sabah yang berskala besar menyebabkan kekangan dari segi kecukupan bekalan bahan binaan, tenaga kerja mahir dan separa mahir dan juga peralatan jentera binaan. Untuk mengatasi perkara ini, pihak Kerajaan telah mengarahkan pihak Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner* – PDP) untuk berbincang dan menyelaraskan dengan pihak WPC untuk mencari dan mengemukakan kaedah alternatif supaya perkara ini tidak berterusan.

Baru-baru ini, Kerajaan telah menyelesaikan isu-isu teknikal bagi bayaran kepada pihak WPC melalui pihak PDP dan dijangka kelewatan dalam proses bayaran dapat dielakkan pada masa akan datang. Untuk makluman, bayaran kepada pihak WPC melalui pihak PDP hanya akan dilaksanakan setelah tuntutan tersebut disemak dan disahkan teratur oleh pihak Kerajaan.

YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA

6 SEPTEMBER 2018